

Perancangan Strategik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) dalam Peningkatan KPI Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan

Kod Projek: UKM-PTS-002-2009

^{1,6}Wan Kamal Mujani (Ketua Projek), ^{1,6}Ezad Azraai Jamsari, ²Laily Din,
^{3,6}Mohamad Abdul Hamid, ^{1,6}Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, ^{3,6}Noor Inayah Ya'akub,
⁵Wan Mohd Hirwani Wan Hussain⁵ & ^{4,6}Zinatul Ashiqin Zainol

¹Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

²Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi

³Pusat Pengajian Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, ⁴Fakulti Undang-undang

⁵UKM-Graduates School of Business (UKM-GSB)

⁶Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan / Pernyataan Masalah

Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) atau dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *Centre for Educational Extension* (CEE) adalah entiti yang bertanggungjawab untuk memasar dan mengurus program eksekutif akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sejak ditubuhkan sebagai entiti tersendiri pada tahun 1996, PKP telah meningkatkan keupayaannya untuk mengurus dari empat program eksekutif kepada lebih 58 program dalam pelbagai mod pengajian pada masa kini di beberapa pusat kuliah tertentu. Kini, PKP sedang melipatgandakan usaha bagi melonjakkan dirinya sebagai pusat terbaik di Malaysia untuk menyediakan program akademik bagi golongan profesional dalam semua bidang dan pekerjaan. Sejak ditubuhkan, pusat ini telah bekerjasama erat dengan UKM untuk memenuhi matlamat penyediaan pendidikan lanjutan (Laporan Tahunan Perdana 2004: 48). Untuk meningkatkan *Key Performance Index* (KPI) UKM sebagai universiti penyelidikan, PKP telah mengenalpasti beberapa perancangan strategik yang boleh membantu UKM meningkatkan prestasinya. Antara perancangan strategik yang boleh dimainkan oleh PKP ialah menambahkan jumlah pelajar siswazah yang diuruskan oleh PKP, pengembangan beberapa program siswazah oleh fakulti-fakulti yang diuruskan oleh PKP, menggiatkan penulisan serta penerbitan pelajar-pelajar siswazah serta menambah baik aspek pengajaran dan pembelajaran dalam program-program yang dikendalikan oleh PKP. Ini termasuk menggiatkan program pengantarabangsaan.

Objektif Kajian

1. Mengetahui peranan strategik yang boleh dimainkan oleh PKP dalam meningkatkan prestasi KPI UKM sebagai universiti penyelidikan.

2. Mengetahui pasti perancangan strategik yang boleh dilaksanakan secara efektif oleh PKP dalam melonjakkan UKM sebagai universiti penyelidikan.
3. Menyediakan pelan tindakan yang boleh diaplikasikan oleh PKP dalam menyokong UKM sebagai universiti penyelidikan.
4. Menjadikan PKP, UKM sebagai pusat pendidikan utama di Malaysia yang boleh dirujuk oleh pusat-pusat akademik lain.

METODE KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan instrumen seperti berikut:

1. Kajian kepustakaan dengan meneliti sumber primer dan sekunder yang menyentuh dan membincangkan tentang Pusat Kembangan Pendidikan (PKP).
2. Kajian lapangan yang melibatkan temubual, pengedaran soal selidik dan menganalisis data-data yang diperolehi.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian ini tidak mempunyai rujukan khusus yang membincangkan tentang Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM secara keseluruhan dan terperinci. Bagaimanapun, sumber-sumber yang ada seperti Laporan Tahunan UKM Holdings, Pelan Perancangan Perniagaan PKP 2006-2010, Pelan Perancangan Pembangunan Akademik dan Program PKP 2008 serta Laporan Bengkel Hala Tuju PKP 2008 telah dijadikan rujukan penting dalam penyelidikan ini. Selain itu, kajian ini turut menggunakan maklumat yang boleh didapati menerusi laman web UKM dan UKM Holdings.

PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)

Penerbitan (Prosiding)

1. Wan Kamal Mujani, Laily b. Din, Mohamad Abdul Hamid, Mohd. Hafiz Mohd. Sukor, Yazlina Saduri, Noor Inayah Ya'akub, Zinatul Ashiqin Zainol, Ezad Azraai Jamsari, Wan Mohd. Hirmani Wan Hussein, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & YM Raja Nor Azri Raja Nor Afandi, 2009, *Perancangan Strategik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) Dalam Peningkatan KPI Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan*. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (Prosiding CD)

Penerbitan (Jurnal)

1. Wan Kamal Mujani, Mohamad Abdul Hamid, Noor Inayah Ya'akub, Laily b. Din, Wan Mohd. Hirmani Wan Hussain, Ezad Azraai Jamsari, Zinatul Ashiqin Zainol & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, 2012, *Strategic Planning of Centre for Educational Extension (PKP) for Key Performance Index Enhancement of National University of Malaysia (UKM) As a Research University*, Journal of Advances in Natural and Applied Sciences (will publish in Issue January-March 2012).

Penerbitan (Kertas Kerja)

1. Wan Kamal Mujani, Laily b. Din, Mohamad Abdul Hamid, Mohd. Hafiz Mohd. Sukor, Yazlina Saduri, Noor Inayah Ya'akub, Zinatul Ashiqin Zainol, Ezad Azraai Jamsari, Wan Mohd. Hirmani Wan Hussein, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & YM Raja Nor Azri Raja Nor Afandi, 2009, *Perancangan Strategik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) Dalam Peningkatan KPI Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan*.

Buku bertajuk *Perancangan Strategik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) Dalam Peningkatan KPI Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan* terbitan Fakulti Pengajian Islam, UKM. (Dalam proses penyuntingan)

Persidangan/Bengkel

Bengkel Perancangan Strategik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) Dalam Peningkatan KPI Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan pada 5 Oktober 2009 di PKP.

Modal Insan

GRA

1. Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari (P46512) (Dari 1/9/2009-31/12/2009)

PERBELANJAAN

VOTE	BELANJA	JUMLAH
Research Materials & Supplies 2011 2009	RM 149.00 RM 850.00	RM 999.00
Travel & Transportation 2010 2009	RM 3,473.00 RM 778.00	RM 4,251.00
Wages and Allowances for Temporary & Contract Personnel 2009	RM 9,600.00	RM 9,600.00
Special Equipment & Accessories 2009	RM 4,150.00	RM 4,150.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM 19,000.00

KESIMPULAN

PKP telah memainkan peranan penting dalam memastikan tujuan pembelajaran sepanjang hayat dapat ditawarkan dan diuruskan dengan baik. Kini, status UKM sebagai universiti penyelidikan telah memberi peluang kepada PKP untuk mengorak langkah dan

memastikan peranannya untuk meningkatkan *Key Performance Index* (KPI) UKM sebagai universiti penyelidikan berada pada tahap yang amat membanggakan dengan menjadikan pengajian peringkat siswazah sebagai fokus kepada perancangan strategik untuk 5 tahun akan datang. Justeru, PKP akan memanfaatkan segala ruang dan peluang dalam memastikan kedudukan PKP sebagai pusat pengajian berterusan yang terbaik di Malaysia sekaligus menaikkan imej UKM sebagai universiti penyelidikan. Terdapat lima perancangan strategik utama yang telah dikenal pasti oleh PKP untuk mencapai matlamat yang disasarkan seperti di atas iaitu pertambahan jumlah pelajar siswazah, pengembangan beberapa program siswazah oleh fakulti-fakulti untuk diuruskan PKP, mempergiatkan penulisan dan penerbitan pelajar siswazah, menambah baik aspek pengajaran dan pembelajaran serta mempergiatkan program pengantarabangsaan.

RUJUKAN

- Anon. 2008. Bengkel penulisan buku pengajaran dan pembelajaran berkesan di IPT: Teori, aplikasi dan praktis. *Buletin Pembangunan Akademik*. Mei-November.
- Anon. 2008. Bengkel SPIN (Sistem Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Interaktif). *Buletin Pembangunan Akademik*. Mei-November.
- Anon. 2008. Kursus pengajaran dan pembelajaran secara on-line. *Buletin Pembangunan Akademik*. Mei-November.
- Cabutan Minit Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 16/2008 (1 Julai 2008)
- Cabutan Minit Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 10/2009 (7 April 2009)
- <http://pkukmweb.ukm.my/~ukmholding/> (9 November 2009)
- Laporan tahunan 2000*. 2001. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laporan tahunan 2004*. 2004. Bangi: UKM Holdings Sdn. Bhd.
- Laporan tahunan perdana*. 2004. Bangi: UKM Holdings Sdn. Bhd.
- Panduan prasiswazah eksekutif Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu*. 2007. Kuala Lumpur: Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Panduan pengajian program prasiswazah & siswazah (eksekutif/pengajian berterusan) sesi akademik 2006/2007*. 2006. Bangi: Pusat Kembangan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Kembangan Pendidikan, UKM. 2008. Bengkel Hala Tuju PKP 2008. 14-16 Mac